



Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato’/YBrs. Dr./Tuan/Puan

2. Sukacita disertakan laporan pemantauan akhbar dan berita berkaitan dengan kementerian ini bertarikh 21 Mac 2023 (Selasa) untuk makluman dan perhatian sewajarnya.

Disediakan oleh,
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	<p>Presiden Singapura Tiba Di Malaysia Sempena Lawatan Negara</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/03/1079478/presiden-singapura-tiba-di-malaysia-sempe-na-lawatan-negara?utm_source=bh&utm_medium=terkinitabhp</p> <p>https://www.theedgemarkets.com/node/659866</p> <p>https://www.sinardaily.my/article/192397/malaysia/nasional/singapore-president-arrives-in-malaysia-for-three-day-state-visit</p> <p>https://www.themalaysianinsight.com/index.php/s/433795</p>	<p>Berita Harian</p> <p>The Edge Markets</p> <p>Sinar Daily</p> <p>The Malaysia Insight</p>	Neutral

	<p>https://bernama.com/en/news.php?id=2174627</p> <p>https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/nasional/59738-presiden-republik-singapura-tiba-di-malaysia</p> <p>https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/03/20/singapore-president-halimah-arrives-in-malaysia-for-three-day-state-visit</p>	<p>Bernama</p> <p>Berita RTM</p> <p>The Star</p>	
2	<p>Contributions Of 10 Women In Selangor Recognised</p> <p>https://www.thestar.com.my/metro/metro-news/2023/03/21/contributions-of-10-women-in-selangor-recognised</p>	<p>The Star</p>	Neutral
3	<p>Amang Seksual Di Rumah Kebajikan, Suami Isteri Dibebaskan Dengan Jaminan Polis [METROTV]</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/03/947754/amang-seksual-di-rumah-kebajikan-suami-isteri-dibebaskan-dengan-jaminan</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=kviG3h0rOd8</p> <p>https://wartaoriental.com/2023/03/21/amang-seksual-pasangan-suami-isteri-dibebaskan-dengan-jaminan-polis/</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2023/03/20/suami-isteri-direman-kes-amang-seksual-dilepas-dengan-jaminan-polis/</p>	<p>Harian Metro</p> <p>Harian Metro</p> <p>Warta Oriental</p> <p>Kosmo</p>	Neutral
4	<p>Pemuda Mengaku Simpan Harta Curi Didenda RM500</p> <p>https://www.utusanborneo.com.my/2023/03/20/pemuda-mengaku-simpan-harta-curi-didenda-rm500</p>	<p>Utusan Borneo</p>	Neutral
5	<p>Perlu Peka Perubahan Tingkah Laku Kanak-Kanak</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/03/947843/perlu-peka-perubahan-tingkah-laku-kanak-kanak</p>	<p>Harian Metro</p>	Neutral
6	<p>Indira Gandhi Saman 8 Negeri Berhubung Enakmen Tukar Agama Kanak-Kanak Secara Unilateral</p>		Neutral

	<p>https://malaysiagazette.com/2023/03/20/indira-gandhi-saman-8-negeri-berhubung-enakmen-tukar-agama-kanak-kanak-secara-unilateral/</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/03/1079558/indira-mohon-isytihar-enakmen-negeri-benarkan-penukaran-agama-kanak</p> <p>https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/433785</p>	<p>Malaysia Gazette</p> <p>Berita Harian</p> <p>The Malaysian Insight</p>	
7	<p>Ibu Cemas, Bayi 5 Bulan Terkunci Setengah Jam Dalam Kereta</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/250622/berita/s/emas/ibu-cemas-bayi-5-bulan-terkunci-setengah-jam-dalam-kereta</p> <p>https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/433885</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=iNLwpOn2JOc</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=NFD9jtrvnxk</p> <p>https://www.thesundaily.my/cerita/berita/bayi-lima-bulan-terperangkap-di-dalam-kereta-AB10772453</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/bayi-5-bulan-terperangkap-dalam-kereta-selama-30-minit/</p> <p>https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2174801</p>	<p>Sinar Harian</p> <p>The Malaysian Insight</p> <p>Buletin TV3</p> <p>Buletin TV9</p> <p>The Sun Daily</p> <p>Buletin TV3</p> <p>Bernamea</p>	Neutral
8	<p>Tukang Sapu Rugi Diperdaya Khidmat Tiga Wanita Buang ‘Hantu’</p> <p>https://www.utusan.com.my/nasional/2023/03/tukang-sapu-rugi-diperdaya-khidmat-tiga-wanita-buang-hantu/</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/03/1079484/wanita-warga-emas-diperdaya-kononnnya-badan-ada-hantu</p>	<p>Utusan</p> <p>Berita Harian</p>	Neutral

9	<p>Wanita Temuan Belajar Buat Roti, Berniaga Dalam Talian</p> <p>https://www.utusan.com.my/pendidikan/2023/03/wanita-temuan-belajar-buat-roti-berniaga-dalam-talian/</p>	Utusan	Neutral
10	<p>Sembilan Wanita Tempatan Ditahan, Terlibat Aktiviti Tidak Bermoral</p> <p>https://berita.rtm.gov.my/index.php/jenayah/59735-sembilan-wanita-tempatan-ditahan-terlibat-aktiviti-tidak-bermoral</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=iKX0 BeX16E</p> <p>https://www.buletintv3.my/jenayah/9-wanita-tempatan-dan-dalang-sindiket-pelacuran-dicekup/</p>	<p>Berita RTM</p> <p>Buletin TV9</p> <p>Buletin TV3</p>	Neutral
11	<p>Rintihan Ibu Tunggal</p> <p>https://www.hmetro.com.my/amp/WM/2023/03/948007/rintihan-ibu-tunggal</p>	Harian Metro	Neutral
12	<p>Warga Emas Dituduh Seleweng Wang Pampasan Tanah Penduduk</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/03/1079693/warga-emas-dituduh-seleweng-wang-pampasan-tanah-penduduk</p>	Berita Harian	Neutral
13	<p>12 Hari Hilang, Warga Emas Ditemui Meninggal Dunia</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2023/03/20/12-hari-hilang-warga-emas-ditemui-meninggal-dunia/</p> <p>https://mykmu.net/2023/03/21/warga-emas-ditemui-mati-setelah-12-hari-hilang/</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/03/947914/2-minggu-hilang-warga-emas-ditemukan-maut-di-ladang-sawit</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/mayat-warga-emas-hilang-2-minggu-ditemui-di-ladang-sawit/</p>	<p>Kosmo</p> <p>Mykmu</p> <p>Harian Metro</p> <p>Buletin TV3</p>	Neutral

	https://suarasarawak.my/lelaki-warga-emas-hilang-sejak-awal-bulan-lalu-ditemui-meninggal-dunia-di-ladang-sawit/	Suara Sarawak	
	https://tvstv.my/2023/03/20/mayat-hampir-reput-ditemukan-anak-sahkan-mayat-bapanya-yang-hilang/	TVSTV	
14	70,000 OKU Terbabit Dadah Jalani Pemulihan [METROTV]		Neutral
	https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/03/947716/70000-oku-terbabit-dadah-jalani-pemulihan-metrotv	Harian Metro	
	https://www.youtube.com/watch?v=H5vrhm0DGNw	Harian Metro	
	https://www.youtube.com/watch?v=tGpuaISInU	Malaysia Gazette	
	https://www.youtube.com/watch?v=NXrPzLz5MyY	Bernamea TV	
	https://www.kosmo.com.my/2023/03/20/dewan-rakyat-70000-oku-jalani-pemulihan-dadah/	Kosmo	
	https://harakahdaily.net/index.php/2023/03/20/kem-plkn-boleh-dijadikan-pusat-pemulihan-dadah-oku/	Harakah Daily	
15	Ibu, Bapa Tiri Perdagangan Anak OKU Pembelajaran Untuk Eksploitasi Seks		Neutral
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/03/ibu-bapa-tiri-perdagangan-anak-oku-pembelajaran-untuk-eksploitasi-seks/	Utusan	
	https://themerdekaitimes.com/news/2023/03/ibu-bapa-tiri-perdagangan-anak-oku-untuk-eksploitasi-seks/	The Merdeka Times	

PRESIDEN SINGAPURA TIBA DI MALAYSIA SEMPENA LAWATAN NEGARA

https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/03/1079478/presiden-singapura-tiba-di-malaysia-sempena-lawatan-negara?utm_source=bh&utm_medium=terkinitabhp

Sumber : Berita Harian



SEPANG: Presiden Singapura Halimah Yacob tiba di Malaysia hari ini sempena lawatan negara sulungnya ke negara jiran selama tiga hari hingga 22 Mac.

Kunjungan beliau itu sebagai lawatan balas selepas menerima undangan Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah yang mengunjungi Singapura pada Oktober 2022.

Halimah dan delegasi Singapura termasuk Menteri di Pejabat Perdana Menteri dan Menteri Kedua Pendidikan dan Luar Negeri Dr Mohamad Maliki Osman serta Menteri Perdagangan dan Industri Low Yen Ling tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) jam 10.20 pagi melalui pesawat komersial.



Presiden Singapura Halimah Yacob (kanan) bersama Nancy Shukri (kiri) selaku Menteri Pengiring sejeurus tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) hari ini. - foto BERNAMA

Ketibaan Halimah dan delegasi disambut menteri pengiring Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri dan diberi sambutan kawalan kehormatan

setempat oleh Batalion Pertama Rejimen Renjer Diraja (Istiadat) yang diketuai Kapten Muhammad Akmal Hakim Sabarudin.

Menurut kenyataan Wisma Putra, lawatan itu akan mengukuhkan lagi hubungan baik dan kerjasama pelbagai bidang antara kedua-dua negara.

Singapura adalah rakan dagangan kedua terbesar Malaysia dan terbesar dalam kalangan negara anggota ASEAN pada 2022 dengan jumlah perdagangan berjumlah RM367.53 bilion (US\$83.53 bilion) dengan peningkatan sebanyak 29.4 peratus berbanding jumlah dagangan pada 2021.

CONTRIBUTIONS OF 10 WOMEN IN SELANGOR RECOGNISED

<https://www.thestar.com.my/metro/metro-news/2023/03/21/contributions-of-10-women-in-selangor-recognised>

Sumber : The Star



TEN women were recognised for their achievements in various fields at the state-level International Women's Day celebration in Sepang, Selangor.

The awards were for female entrepreneurship, social innovation, zero to hero, creative arts, person with disability, and community service.

Present as guest of honour was Deputy Women, Family and Community Development Minister Aiman Athirah Sabu.

The event was organised in collaboration with Wanita Berdaya Selangor and Kuala Lumpur and the Selangor Coalition of Women Organisation.

Selangor public health, unity, women empowerment and family committee chairman Dr Siti Mariah Mahmud gave out grants for the development of shelter homes and to support their residents and workers.

She also presented grants for intensive courses in child development to 10 recipients who are caregivers.

In a statement, Dr Siti Mariah said, “The Selangor public health, unity, women empowerment and family standing committee has lined up 12 initiatives which will be implemented this year, at a cost of RM4mil.

“They include six new initiatives – Selangor Young Female Influencer, Selangor Women’s Conference, Shelter Home Grant, Subsidies for M40 Nurseries and Kindergartens, Digital Media Incentive for Young Female Entrepreneurs and Single Mothers’ Economic Development Incentive.”

In her speech, Aiman Athirah said although improvements could be seen in terms of women’s involvement in education and in the workforce, they were still behind in the political scene.

“There has been a dip in the number of female MPs this time around (following the 15th General Election).

“We call on political parties to nominate more women in the upcoming state elections.

“We also call on the people to vote for women who have the potential to be their elected representatives,” she said.

AMANG SEKSUAL DI RUMAH KEBAJIKAN, SUAMI ISTERI DIBEBASKAN DENGAN JAMINAN POLIS [METROTV]

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/03/947754/amang-seksual-di-rumah-kebajikan-suami-isteri-dibebaskan-dengan-jaminan>

Sumber : Harian Metro

Kangar: Pasangan suami isteri yang juga pengendali sebuah rumah kebajikan kanak-kanak, di sini, yang ditahan bagi membantu [siasatan kes amang seksual membabitkan seorang penghuni](#) dibebaskan dengan jaminan polis.

Kedua-dua suspek berusia dalam lingkungan 50-an itu sudah dibebaskan minggu lalu.

Ketua Polis Perlis, Datuk Surina Saad berkata, setakat ini kes masih dalam siasatan namun rumah kebajikan itu sudah dikosongkan dengan penghuni yang terdiri daripada kanak-kanak ditempatkan di rumah perlindungan kanak-kanak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sekitar Perlis.

"Kita boleh sahkan kedua-dua suspek sudah dibebaskan dengan jaminan polis dan siasatan berhubung kes berkenaan masih diteruskan," katanya selepas menghadiri Majlis Perbarisan Sempena Sambutan Peringatan Hari Polis ke-216 Tahun 2023 Peringkat Kontinjen Perlis di Perkarangan Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Perlis, di sini hari ini.



SURINA (tengah) menyampaikan sijil penghargaan kepada anggota polis yang cemerlang dalam tugas. FOTO Aizat Sharif

Katanya, siasatan dibuka berhubung pelanggaran syarat premis dan Seksyen 14(a) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 kerana amang seksual.

Pada 16 Mac lalu, Harian Metro melaporkan pasangan suami isteri ditahan bagi membantu siasatan kes amang seksual membabitkan penghuni rumah kebajikan.

Difahamkan, kejadian berlaku di rumah pasangan itu di Jejawi, Arau.

Mangsa berusia 20 tahun serta berada di bawah perintah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Perlis.

Kejadian dilaporkan oleh mangsa yang tampil membuat laporan polis awal bulan ini.

PEMUDA MENGAKU SIMPAN HARTA CURI DIDENDA RM500

<https://www.utusanborneo.com.my/2023/03/20/pemuda-mengaku-simpan-harta-curi-didenda-rm500>

Sumber : Utusan Borneo

KUCHING: Seorang pemuda berusia 20 tahun dijatuhi hukuman denda RM500 di Mahkamah Majistret di sini, hari ini selepas mengaku bersalah menyimpan harta curi iaitu kad pengenalan dan kad ATM milik seorang wanita.

Majistret Syarifah Fatimah Azura Wan Ali memerintahkan tertuduh, Mohamad Ikram Zaidi untuk dipenjara 10 hari sekiranya gagal membayar denda.

Mahkamah menetapkan demikian selepas mendengar laporan sosial dikemukakan oleh pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) semalam.

Mengikut pertuduhan, pemuda itu didakwa melakukan kesalahan tersebut sekitar jam 5 petang pada 17 Disember 2022, di kawasan perkuburan Semariang di Jalan Sultan Tengah di sini.

Berdasarkan fakta kes, pemilik kad tersebut (pengadu) membuat laporan polis pada 16 Disember 2022 yang melaporkan beg tangan diletakkan di dalam keretanya hilang, selesai dia menziarahi kubur arwah bapanya pada hari kejadian.

Susulan itu, pihak polis melakukan pemantauan dan intipan di kawasan perkuburan itu.

Semasa pemantauan dilakukan, polis menahan tertuduh yang menunggang sebuah motosikal dan berlegar di kawasan itu dalam keadaan mencurigakan.

Pemeriksaan dilakukan dan polis menjumpai kad pengenalan serta kad ATM milik pengadu di dalam beg silang dibawa tertuduh.

Oleh itu, tertuduh telah melakukan kesalahan menyimpan harta curi dan seterusnya didakwa serta disabitkan mengikut Seksyen 411 Kanun Keseksaan.

Seksyen berkenaan membawa hukuman penjara sehingga lima tahun atau denda atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Tertuduh tidak diwakili peguam sementara pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa Inspektor Mohd Adzmei Ahmad.

PERLU PEKA PERUBAHAN TINGKAH LAKU KANAK-KANAK

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/03/947843/perlu-peka-perubahan-tingkah-laku-kanak-kanak>

Sumber : Harian Metro



Kuala Lumpur: Tiada istilah menjaga tepi kain orang sebaliknya semua pihak perlu cakna dengan perubahan dan tingkah laku individu sekeliling terutama kanak-kanak dan remaja.

Naib Presiden Persatuan Psikologi Malaysia (PSIMA), Profesor Madya Dr Shazli Ezzat Ghazali berkata, usia kanak-kanak dan remaja sangat penting diberikan perhatian berikutan golongan itu dalam fasa mencari identiti diri.

"Memang benar ibu bapa perlu pantau anak-anak tetapi realiti sekarang sukar kerana dalam keadaan terdesak ramai keluar bekerja menyara keluarga kemungkinan menyebabkan anak-anak terabai.

"Apabila kurang perhatian, kasih sayang dan dibebani lagi dengan masalah ekonomi keluarga dan sebagainya, anak-anak ini tidak dapat mencari identiti sebenar hingga mereka terfikir melakukan tindakan yang memberi kesan negatif pada diri sendiri dan persekitaran.

"Selain menumpukan kepada perolehan identiti diri, apa yang boleh dilakukan ialah perluaskan program yang menceriaikan dengan memupuk kasih sayang di sekolah supaya anak itu akan rasa disayangi dan memelihara diri daripada membuat perkara di luar kawalan ketika menghadapi masalah mental seperti mencederakan dan membunuh diri.

"Masyarakat terutama jiran tetangga pula, ambil tahu dan tegurlah secara berhemah tetapi bukan mengaibkan orang jika ternampak perkara tidak normal atau perubahan kepada individu sekeliling," katanya kepada Harian Metro.

Beliau mengulas berkaitan penemuan kajian dijalankan Institut Penyelidikan Tingkahlaku Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dengan kerjasama Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) bagi melihat tahap kesihatan mental remaja dan kanak-kanak yang tinggal di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Kuala Lumpur dan Selangor semasa Covid-19.

Dapatan itu menunjukkan 13.4 peratus daripada responden itu mempunyai pemikiran membunuh diri dan mencederakan diri sendiri serta 12.3 peratus mengalami masalah kesihatan mental iaitu kemurungan dan kebimbangan akibat tekanan hidup.

Pensyarah Kanan Program Psikologi Klinikal dan Tingkah Laku Kesihatan, Fakulti Sains Kesihatan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) itu berkata, isu kesihatan mental perlu ditangani secara menyeluruh berikutan kesannya memudaratkan penghidapnya dan individu sekeliling.

"Kemurungan dan kebimbangan akan menyumbang kepada isu hilang nikmat hidup maka tercetusnya idea hendak bunuh diri dan menghapuskan punca penyebab (orang sekeliling) kepada masalah dia.

"Selain itu, cabaran zaman sekarang anak-anak ini terdedah kepada media sosial contohnya terikut-ikut dengan idea atau penyelesaian jangka pendek ahli kumpulan grup yang secara tidak langsung mempengaruhi pemikiran dan tindakan golongan ini.

"Ini yang menjadi masalah kepada isu ini apabila ada yang mengalami tekanan disebabkan gesaan atau desakan ahli kumpulan disertainya itu," katanya.

INDIRA GANDHI SAMAN 8 NEGERI BERHUBUNG ENAKMEN TUKAR AGAMA KANAK-KANAK SECARA UNILATERAL

<https://malaysiagazette.com/2023/03/20/indira-gandhi-saman-8-negeri-berhubung-enakmen-tukar-agama-kanak-kanak-secara-unilateral/>

Sumber : Malaysia Gazette

KUALA LUMPUR – Seorang wanita sebelum ini pernah berdepan situasi tiga orang anaknya ditukar agama secara sebelah pihak oleh bekas suaminya sedang berusaha membatalkan beberapa peruntukan enakmen di lapan buah negeri berhubung penukaran agama kanak-kanak secara unilateral (sebelah pihak) sebagai tidak sah.

Pemohon itu, M Indira Gandhi bersama-sama sebuah pertubuhan agama serta 12 individu lain telah membuat permohonan saman yang difailkan melalui firma guaman, Tetuan Raj & Sach pada 3 Mac lalu.

Selain Indira, plaintif terdiri daripada Pertubuhan Agamam Ani, bekas pengerusi Malaysia Hindu Sangam dan Malaysian Consultative Council of Buddhism, Christianity, Hinduism, Sikhism and Taoism (MCCBCHST), S. Mohan dan Pengerusi Indira Gandhi Action Team (INGAT), D. Arumugam.

Beberapa individu yang mendakwa menjadi mangsa kepada penukaran agama secara unilateral juga bersama-sama Indira menuntut pembatalan itu di negeri Perlis, Kedah, Melaka, Pahang, Perak, Johor, Negeri Sembilan dan Wilayah Persekutuan selaku defendan.

Dalam afidavit itu, Indira serta yang lain mendakwa semua penukaran unilateral yang telah berlaku di Malaysia dari tarikh keputusan Indira adalah terbatal kerana melanggar Perkara 12(4) Perlembagaan Persekutuan.

Kumpulan ini bergantung kepada keputusan Mahkamah Persekutuan pada 2018 dalam kes Indira, yang mengumumkan pertukaran agama kanak-kanak secara sebelah pihak adalah bertentangan dengan Perlembagaan.

Untuk makluman, pada 2018, Mahkamah Persekutuan memutuskan pasangan yang memeluk Islam manakala pasangannya bukan beragama Islam mesti memberi persetujuan bagi penukaran agama anak bawah umur kepada Islam.

Ketika itu panel lima hakim diketuai Presiden Mahkamah Rayuan, Tan Sri Zulkefli Ahmad Makinudin mengetepikan keputusan berhubung penukaran agama tiga anak Indira secara satu pihak oleh bekas suaminya Muhammad Riduan Abdullah, (dahulu dikenali sebagai K. Pathmanathan).

Plaintif juga telah memohon perisytiharan bahawa amalan penukaran agama secara unilateral adalah tidak berperlembagaan dan bertentangan Perkara 12(4) Perlembagaan Persekutuan.

Mahkamah telah menetapkan 5 April depan untuk pengurusan kes. -MalaysiaGazette

IBU CEMAS, BAYI 5 BULAN TERKUNCI SETENGAH JAM DALAM KERETA

<https://www.sinarharian.com.my/article/250622/berita/semasa/ibu-cemas-bayi-5-bulan-terkunci-setengah-jam-dalam-kereta>

Sumber : Sinar Harian



SEPANG - Seorang wanita berdepan detik cemas selepas bayi perempuannya terkunci dalam kereta di Taman Saujana di sini pada Isnin.

Pengarah Bomba Selangor, Morni Mamat berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan pada jam 1.23 petang sebelum sepasukan anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) KLIA dikejarkan ke lokasi kejadian.

"Kejadian melibatkan seorang bayi perempuan berusia lima bulan yang terperangkap dalam kereta jenis Proton Saga yang terkunci secara automatik ketika ibunya keluar dari kenderaan itu.

"Mangsa dipercayai terperangkap kira-kira 30 minit," katanya pada Isnin.

Beliau berkata, dalam tempoh lima minit, bomba berjaya membawa keluar bayi terbabit dengan menggunakan peralatan khas.

Katanya, bayi itu selamat dan tidak mengalami sebarang kecederaan sebelum diserahkan kepada ibunya.

Tukang sapu rugi diperdaya khidmat tiga wanita buang ‘hantu’

<https://www.utusan.com.my/nasional/2023/03/tukang-sapu-rugi-diperdaya-khidmat-tiga-wanita-buang-hantu/>

Sumber : Utusan



JEMPOL: Seorang tukang sapu berputih mata apabila wangnya lesap selepas terperdaya ditipu tiga orang wanita yang menawarkan khidmat mengeluarkan roh-roh jahat dari tubuh mangsa. Ketua Polis Daerah Jempol, Superintenden Hoo Chang Hook berkata, kejadian berlaku kira-kira pukul 9.30 pagi semalam, semasa mangsa iaitu wanita warga emas berusia 69 tahun berada di pasar untuk membeli sayur sebelum didatangi tiga orang wanita...

WANITA TEMUAN BELAJAR BUAT ROTI, BERNIAGA DALAM TALIAN

<https://www.utusan.com.my/pendidikan/2023/03/wanita-temuan-belajar-buat-roti-berniaga-dalam-talian/>

Sumber : Utusan



Orang Asli di negara ini kebanyakannya masih lagi dibelenggu kemiskinan serta terpinggir daripada segi ekonomi dan dikategorikan sebagai miskin tegar.

Memahami kemelut itu, Cef Seriwani Nazri menganjurkan bengkel memasak pastri secara percuma khas untuk penduduk Orang Asli Temuan di Kampung Donglai, Hulu Langat, Selangor.

Bengkel memasak yang diadakan setiap Ahad di Dewan Ilmu kampung berkenaan, juga bakal mendedahkan peserta dengan perniagaan makanan kering seperti kerepek dan pastri secara dalam talian.

“Saya berharap dengan cara ini dapat membantu penduduk di sini menambah kemahiran memasak aneka pastri dan kerepek. Pada masa sama, mereka boleh memasarkan makanan yang dihasilkan secara dalam talian.

“Saya akan bantu mereka untuk terus maju dalam perniagaan kerana saya yakin pasti ada permintaan untuk makanan ringan seperti pastri dan makanan ringan lain,” katanya ditemui di Kampung Donglai, Hulu Langat baru-baru ini ketika mengajar wanita orang Asli di situ,” katanya.



Wanita Temuan Kampung Donglai belajar buat roti

Bengkel memasak selama empat jam itu sudah bermula sejak 26 Februari lalu dan diadakan secara percuma. Selain bahan memasak, peralatan seperti ketuhar gelombang mikro, dapur, kualiti dan gas turut disediakan.

“Perniagaan dari rumah lebih sesuai untuk mereka kerana tidak perlu menyewa kedai dan memohon lesen perniagaan. Sekurang-kurangnya dapat ringankan beban keluarga. Tapi usaha ini tidak akan menjadi jika tiada kegigihan untuk memperbaiki kehidupan. Kita akan bimbing mereka untuk memasarkan produk yang dihasilkan,” katanya.

SEMBILAN WANITA TEMPATAN DITAHAN, TERLIBAT AKTIVITI TIDAK BERMORAL

<https://berita.rtm.gov.my/index.php/jenayah/59735-sembilan-wanita-tempatan-ditahan-terlibat-aktiviti-tidak-bermoral>

Sumber : Berita RTM



GEORGE TOWN, 20 Mac- Sembilan wanita tempatan ditahan dalam satu serbuan membanteras GRO di George Town.

Serbuan dibuat setelah aktiviti tidak bermoral itu dikesan anggota polis dari unit D7 IPD Timur Laut.

Wanita yang ditahan berusia antara 21 hingga 33 tahun, kebanyakannya berasal dari Kedah, Perak dan Pulau Pinang.

Mereka didapati terlibat dalam aktiviti itu walaupun mempunyai pekerjaan tetap.



(Serbuan aktiviti tidak bermoral dilakukan anggota polis dari unit D7 IPD Timur Laut)

Polis turut menahan bapa ayam dalam serbuan berkenaan.

Semua tahanan dibawa ke IPD Timur Laut untuk siasatan kes di bawah Seksyen 377A Kanun Keseksaan.

RINTIHAN IBU TUNGGAL

<https://www.hmetro.com.my/amp/WM/2023/03/948007/rintihan-ibu-tunggal>

Sumber : Harian Metro



PERSATUAN Ibu Tunggal Nur Iman Kuala Lumpur dan Selangor berharap nasib ribuan ibu tunggal menuntut hak mereka iaitu nafkah dari bekas suami mendapat perhatian pihak berkaitan.

Menurut pengerusi persatuan itu, Sheila Tumirin, suara ibu tunggal merayu hak mereka seakan-akan lenyap ditelan waktu bermula detik mereka diceraikan sehingga anak melewati usia 18 tahun.

"Pengakhiran kami (ibu tunggal) yang terus mengharapakan pembelaan terpaksa menanggung keperitan sendirian dan bekas suami terus bersikap lewa menunaikan tanggungjawab mereka.

"Paling sadis, ada antara anak ahli kami tidak pernah menerima sesen daripada bapa kandung seawal usia sehari mereka dilahirkan sehingga melewati usia 23 tahun.

"Harapan kami sempena sambutan Hari Wanita Sedunia diraikan baru-baru ini, kami yang memiliki lebih 6,000 keahlian serata Malaysia berharap ada pihak tampil menyelesaikan isu nafkah membabitkan bekas suami yang masih tidak berakhir," katanya.

Cadangan di pihaknya perlu difikirkan satu mekanisme yang mana sebaik perceraian direkodkan, bekas isteri terus boleh menerima pembayaran nafkah.

"Bekas suami bertindak licik dan memberi 1,001 alasan mengelak tanggungjawab mereka, satu peringkat pihak terbabit perlu memikirkan wang caruman sebagai alternatif bapa ini melunaskan bayaran nafkah kepada anak.

"Kami percaya kaedah ini mampu mendidik lelaki terus bertanggungjawab membesarkan anak meskipun sudah berpisah atau memiliki keluarga baharu," katanya.

Beliau bersama 30 ahli lain gembira dan bersyukur apabila diraikan pihak Smoked Kingdom by Don Daniyal yang menghargai sumbangan golongannya dalam masyarakat sempena Hari Wanita Sedunia 2023.

Sementara itu, selaku tuan rumah, Ustaz Selebriti Don Daniyal bersama dua rakan kongsinya menyifatkan ibu tunggal sewajarnya dihargai kerana cukup berjasa bukan sahaja mendidik dan membesarkan anak-anak, malah memegang peranan sebagai pencari rezeki untuk keluarga.

"Sejak zaman Rasulullah SAW dan sahabat, ibu tunggal memiliki kedudukan tinggi. Malah, mereka diberi keutamaan termasuk hak dan kehormatan dilindungi.

"Sewajarnya itu diteladani masyarakat Islam sekarang yang melihat golongan ini perlu didorong dan salah satunya dalam hari penting.

"Ibrah dari malam Nisfu Syaaban dan tidak lama lagi menyambung kehadiran Ramadan, tentu sahaja saya dan rakan meraikan golongan istimewa ini," katanya.

Dalam program itu beliau turut melancarkan menu bufet Ramadan cawangan terbaharu restoran SkyDining 118 di Wangsa Maju, Kuala Lumpur yang menampilkan hidangan istimewa seperti nasi minyak, ayam bawang dan kambing golek.

WARGA EMAS DITUDUH SELEWENG WANG PAMPASAN TANAH PENDUDUK

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/03/1079693/warga-emas-dituduh-seleweng-wang-pampasan-tanah-penduduk>

Sumber : Berita Harian



KUCHING: Seorang pesara swasta mengaku tidak bersalah atas pertuduhan menyalahgunakan wang pampasan tanah penduduk kampung berjumlah RMRM155,820 empat tahun lalu.

Tertuduh, Shamsuddin Abdul Razak, 67, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan mengikut Seksyen 403 Kanun Keseksaan dibacakan di hadapan Hakim Steve Ritikos di Mahkamah Sesyen Bintulu, hari ini

Mengikut pertuduhan, dia didakwa menyalahgunakan wang pampasan yang diterima dari Penguasa Tanah dan Survei Bintulu sebagai pampasan kepada penduduk Kampung Melayu Tubau di Bintulu.

Pampasan itu adalah bagi pengambilan tanah berstatus hak adat Bumiputera (NCR) oleh kerajaan Sarawak bagi Projek Pembesaran Kampung Melayu Tubau pada 2019.

Pendakwaan dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Nur Nisla Abdul Latif manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Steve kemudiannya menetapkan pengurusan kes pada 10 April ini.

12 HARI HILANG, WARGA EMAS DITEMUI MENINGGAL DUNIA

<https://www.kosmo.com.my/2023/03/20/12-hari-hilang-warga-emas-ditemui-meninggal-dunia/>

Sumber : Kosmo



SERIAN – Lelaki warga emas yang dilaporkan hilang di Kampung Tae, di sini pada 9 Mac lalu ditemui meninggal dunia di bawah bukit dalam kawasan ladang kelapa sawit, hari ini.

Jurucakap Pusat Gerakan Operasi Bomba Sarawak berkata, mayat mangsa berusia 73 tahun itu dijumpai oleh pekerja ladang kelapa sawit pada jarak empat kilometer dari rumah mangsa selepas 12 hari hilang di dalam hutan.

Katanya, susulan laporan yang diterima mengenai penemuan mayat itu, anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Serian segera dikerahkan ke lokasi.

“Komander operasi memaklumkan benar ada mayat berada di bawah bukit dalam kawasan ladang kelapa sawit.

“Mayat itu adalah mangsa yang dilaporkan hilang pada 9 Mac lepas setelah pengecaman dibuat melalui pakaian mangsa oleh anak mangsa,” katanya dalam kenyataan, hari ini.

Beliau berkata, mayat mangsa telah diserahkan kepada pihak polis untuk dihantar ke Hospital Serian bagi tindakan lanjut. – KOSMO! ONLINE

70,000 OKU TERBABIT DADAH JALANI PEMULIHAN [METROTV]

<https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/03/947716/70000-oku-terbabit-dadah-jalani-pemulihan-metrotv>

Sumber : Harian Metro

Kuala Lumpur: Seramai 70,000 orang kurang upaya (OKU) terbabit dengan rawatan pemulihan dadah di bawah kendalian Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) sama ada di dalam pusat rawatan atau komuniti.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Shamsul Anuar Nasarah berkata, menerusi pengendalian AADK di Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (Puspen), rawatan yang diterima oleh OKU adalah seramai 85 orang.

"Untuk makluman, kita akan menilai pesakit-pesakit OKU. Jika benar-benar tidak ada keupayaan mereka akan dirawat melalui komuniti.

"Tetapi jika OKU yang ada kemampuan fizikal, rawatan akan dibuat dalam pusat rawatan kita di Puspen," katanya di Dewan Rakyat.

Beliau berkata demikian menjawab soalan tambahan Datuk Mohd Suhaimi Abdullah (PN-Langkawi) bilangan OKU terbabit dengan rawatan dadah seluruh Malaysia dan cadangan menggunakan Pusat Khidmat Latihan Negara (PLKN) untuk merawat mereka.

Mohd Shuhaimi juga bertanyakan adakah KDN akan memberikan latihan kepada pegawai AADK bagi mengendalikan OKU yang terbabit dengan dadah.

Menyentuh mengenai cadangan menggunakan PLKN bagi rawatan pemulihan dadah untuk OKU, Shamsul berkata, kerajaan mempunyai perancangan untuk menambah pusat rawatan.

"Kita memang ada perancangan untuk menambah (pusat rawatan) berdasarkan keperluan tetapi tidak lagi menjurus kepada penggunaan PLKN," katanya.

Beliau juga memaklumkan dari masa ke masa, latihan meningkatkan keupayaan pegawai AADK untuk mengendalikan rawatan kepada OKU sentiasa dilaksanakan.

"Dari masa ke masa, kita memang mengadakan latihan dan meningkatkan keupayaan pegawai kita untuk berurusan dan mengendalikan rawatan kepada OKU.

"Kita juga menggalakkan NGO, badan-badan kerajaan untuk bersama terutama sekali rawatan dalam program komuniti kita," katanya.

IBU, BAPA TIRI PERDAGANG ANAK OKU PEMBELAJARAN UNTUK EKSPLOITASI SEKS

<https://www.utusan.com.my/nasional/2023/03/ibu-bapa-tiri-perdagang-anak-oku-pembelajaran-untuk-eksploitasi-seks/>

Sumber : Utusan



BUKIT MERTA JAM: Polis Pulau Pinang berjaya menyelamatkan seorang wanita golongan orang kurang upaya (OKU) pembelajaran berusia 20-an yang dipercayai menjadi mangsa eksploitasi seks oleh ibu dan bapa tirinya sendiri.

Timbalan Ketua Polis negeri, Datuk Fisol Salleh berkata, wanita berkenaan diselamatkan selepas polis menyerbu sebuah rumah di Desa Wawasan, Jalan Tembikai 2, di sini menerusi Op Pintas pada 15 Mac lalu.

Menurut beliau, ibu dan bapa tiri mangsa kini ditahan dan kes itu disiasat di bawah Seksyen 14 Atipsom 2007.

“Kedua-dua suspek telah dituduh di bawah Seksyen 14 Atipsom 2007 dan Seksyen 15 Atipsom yang dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan,” katanya dalam sidang akhbar selepas Sambutan Peringatan Hari Polis Ke-216 peringkat negeri di ibu pejabat polis daerah (IPD) Seberang Perai Tengah (SPT), di sini hari ini.

Menurut Fisol, operasi menyelamatkan wanita OKU pembelajaran itu merupakan antara kejayaan kontinjen polis Pulau Pinang bagi suku tahun ini sejak Januari lalu.

Selain kes itu, ujar beliau, pihaknya turut berjaya menahan seramai 16 lelaki dan empat wanita warga asing yang dipercayai diseludup masuk ke negara ini menerusi jalan tidak sah.

Ujar beliau, kesemua warga asing berusia antara 15 hingga 36 tahun itu ditahan ketika serbuan di Jalan Samagagah, Mak Mandin, di sini menerusi Op Pintas pada 5 Januari lalu.

Tambah beliau, polis Pulau Pinang pada 1 Januari lalu juga berjaya menahan seorang lelaki berusia 26 tahun di Jalan Berjaya dekat sini yang dipercayai terlibat dalam enam kes samun bersenjata api bersama seorang lagi suspek yang telah ditahan di sekitar SPT dan Seberang Perai Utara (SPU).

“Turut dirampas bersama lelaki itu dalam Op Api Hours tersebut adalah sepucuk pistol Revolver jenis .38 beserta beberapa butir peluru.

“Suspek juga telah dituduh di bawah Seksyen 8 Akta Senjatapi (Penalti Lebih Berat) dan Seksyen 8 (a) Akta Senjata 1960,” katanya.

Secara keseluruhan juga, tambah beliau, polis kontinjen Pulau Pinang mencatat penurunan kadar jenayah indeks sebanyak 413 kes atau 44.1 peratus bermula Januari hingga Mac tahun ini.

Jelasnya, ia berdasarkan kiraan nilai ambang bagi tempoh 1 Januari hingga 28 Februari lalu iaitu sebanyak 937 kes berbanding pencapaian hanya 524 kes.

“Sepanjang tempoh sama juga, sebanyak 1,347 kertas siasatan telah dibuka dan sejumlah 733 kertas siasatan telah berjaya dituduh di mahkamah menunjukkan peningkatan pertuduhan sebanyak 100 kes atau 15.8 peratus berbanding tempoh sama tahun lalu,” katanya. – UTUSAN